

# Kor Sispa UMS naib juara peringkat kebangsaan

Oleh **HENRY BATING**

hbating@gmail.com

UB 22-07-2012 61

## KEMUNCULAN

Kor Siswa-Siswi Pertahanan Awam (Kor Sispa) Universiti Malaysia Sabah (UMS) muncul naib juara keseluruhan Perhimpunan Kebangsaan Kor Sispa di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) 14-18 Julai lalu.

Dalam satu pertemuan pengurusan tertinggi UMS, Naib Canselor UMS, Prof Dr Mohd Harun Abdullah meminta agar badan-badan beruniform universiti itu dapat diberikan peranan mengendalikan hal ehwal keselamatan dalam kampus mulai sesi pengajian akademik September akan datang.

“Kita mahu agar badan-badan beruniform

dapat dilibatkan dengan tanggungjawab mengendalikan aspek keselamatan dalam kampus sebagai salah satu proses pembentukan diri pelajar institusi pengajian tinggi,” katanya.

UMS ketika ini memiliki tiga badan beruniform dengan Kor Sispa sebagai badan terbaru, ditubuhkan 2009 menyusul pembentukan Palapes

(ketenteraan) dan Suksis (kepolisian) yang sudah wujud beberapa tahun sebelum itu.

Kor Sispa yang mirip orientasi pelaksanaan tanggungjawab pertahanan awam dan kebombaam ketika ini memiliki 200 unit kadet melibatkan kampus Kota Kinabalu, Labuan dan Sandakan.

Tahun ini merupakan kali ketiga Kor Sispa

menyertai perhimpunan kebangsaan di mana kali pertama pada tahun 2010 di UiTM Shah Alam muncul sebagai juara dan jatuh ke tempat ke-4 pada tahun 2011 di Universiti Islam Malaysia (USIM), Negeri Sembilan.

Perhimpunan kebangsaan yang disertai Kor Sispa universiti-universiti di Malaysia itu melibatkan pertandingan dalam pelbagai aspek termasuk kawad, melawan kebakaran, rawatan awal, menyelamat di aras tinggi, menyelamat di air dan membaca kompas.

Timbalan Naib Canselor, Kol (K) Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur yang menjadi Komandan Kor Sispa menyifatkan kejayaan itu sebagai satu hasil latihan yang gigih bagi membentuk sahsiah dan jatidiri pelajar.

“Pihak Hal Ehwal Pelajar akan sentiasa mengambil berat terhadap perkembangan dan kandungan latihan pasukan-pasukan beruniform,” katanya.

Manakala Pengerusi Majlis Badan-Badan Beruniform UMS, Prof Madya Dr Ismail Ali yang menjadi Timbalan Komandan memberitahu kegigihan dan komitmen para kadet dan pegawai telah membuahkan hasil dan berharap pencapaian tersebut terus konsisten dan lebih berjaya pada masa hadapan.

Prof Madya Dr Mahmud Sudin dari Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa menerima watakah pelantikan sebagai Let Kol Kor Sispa.



**PROF. Mohd. Harun Abdullah.**



**USAHA menyelamat menuntut tindakan cepat dan persefahaman tinggi.**



**KASIM, Ismail dan Mahmud bersama sebahagian kadet Kor Sispa yang menyertai perhimpunan di Terengganu.**